

Isu alam sekitar polemik besar 2006

Kejadian banjir kilat, jerebu, sungai tercemar berpunca daripada sikap manusia

MESKIPUN tiada bencana besar alam sekitar melanda negara ini sepanjang 2006, beberapa isu alam sekitar pasti meninggalkan igauan buruk bagi setengah pihak. Apa yang menyakitkan hati sudah tentu mereka yang menjadi mangsa dan sasaran kritikan pula sudah pasti diterima pihak berkuasa yang bukan saja memikul tanggungjawab, malah amanah untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat jelata tidak diambil mudah dan terus menerus diabaikan.

Tahun 2006 menunjukkan alam sekitar negara ini terus menjadi mangsa rakus sesetengah projek pembangunan dibuat tanpa perancangan lestari. Buktinya, banjir kilat melanda sesetengah kawasan apabila hujan, masalah jerebu merentasi sempadan serta sungai terus dicemar dan menjadi polemik berpanjangan.

Turut menjadi isu hangat media ialah pembalakan haram. Cuma setiap kali berlaku krisis, banyaklah yang bersuara, mengecam dan mengkritik. Pelbagai janji ditabur untuk penyelesaian jangka pendek dan panjang.

Bagi rakyat dan masyarakat se-

tempat, apa yang boleh dibuat hanyalah mengambil sikap 'tunggu dan lihat' kerana mungkin hasil yang belum berbuah tahun ini akan dapat dirasa nikmatnya tahun depan.

Apabila bukit-bukau habis ditarah dan digondolkan, pokok pula ditebang atas nama pembangunan, manakala hujan lebat menyebabkan berlakunya aliran dan limpahan air yang deras. Apabila saluran air, longkang dan sungai tersumbat dengan sampah hasilnya berlakulah fenomena banjir kilat.

Bagi warga Kuala Lumpur, banjir kilat sudah sinonim dengan kehidupan di bandar metropolitan. Setiap kali hujan lebat, warga KL bukan setakat kelam-kabut mencari payung tetapi menyorong kereta dan harta benda.

Tajuk berita seperti *Banjir kilat di KL, ribuan kenderaan terkandas* dan *Banjir kilat, ribut petir melanda Kuala Lumpur lagi* bagaikan sudah sehati dengan kehidupan warga kota. Warga KL sudah tentunya meletakkan harapan tinggi kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur kelapan, Datuk Ab Hakim Borhan yang dilantik 14 Disember lalu dapat menangani

banjir kilat yang sering berulang.

Projek tebatan banjir, Sistem Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (Smart) yang bernilai RM1.9 bilion dan dijangka siap Jun tahun depan turut diharap dapat menangani masalah banjir kilat ini.

Kejadian tanah runtuh berulang lagi tahun ini dan yang tragisnya apabila nyawa insan tersayang menjadi korban. Negara digemparkan dengan kejadian tanah runtuh pada 31 Mei di Kampung Pasir, Hulu Klang dan dikatakan berpunca daripada pergerakan tanah di kawasan Taman Bukit Zoo View berikutan kerja pembinaan rumah di situ.

Tanah runtuh lazimnya dikaitkan dengan hakisan tanah apabila berlaku hujan lebat. Yang mungkin tidak boleh dimaafkan ialah apabila hakisan tanah itu berpunca daripada kegiatan pembangunan yang memeningkan keuntungan dengan mengecipkan langkah keselamatan atau melanggar peraturan.

Hampir semua rakyat Malaysia mengalami fenomena jerebu yang mendatangkan pelbagai masalah kepada kesihatan, penglihatan, pengangkutan, kesejahteraan hidup dan

ekonomi negara. Tahun 2006 menyaksikan buat sekian kalinya 'jerebu yang sebahagian besarnya merentasi sempadan'.

Keadaan jerebu semakin buruk pada awal Oktober sehinggakan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor melahirkan kebimbangan keadaan jerebu yang melanda negara ketika itu boleh menjejaskan industri pelancongan.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, banyak kajian dijalankan mengenai pencemaran sungai khususnya di bandar besar termasuk di sekitar Lembah Klang. Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Rosnani Ibrahim, berkata kumbahan punca utama pencemaran sungai di negara ini.

Beliau memberitahu pada satu simposium urus tadbir alam sekitar awal Disember bahawa daripada 146 sungai dikenal pasti di seluruh negara, kurang daripada separuh bersih, 15 lagi tercemar teruk dan sembilan dikategorikan sebagai 'mati'.

Pada awal tahun, lebih dua juta penduduk di Kuala Langat, Hulu Langat, Petaling dan Sepang terputus bekalan air 24 jam ekoran berlaku

pencemaran air busuk ammonia di Sungai Semenyih pada 14 April. Operasi Loji Rawatan Air Semenyih yang menerima bekalan air dari sungai itu terpaksa dihentikan berikutan kandungan ammonia dikesan mencapai tahap berbahaya iaitu 4.8 miligram (m) seliter berbanding 1.5mg seliter pada tahap normal.

Apabila sungai tercemar dan air paip berbau busuk, tuduh-menuduh menjadi lumrah. Bagaimanapun, beberapa kejadian berlaku membuka mata pihak berkuasa dengan mengambil tindakan sewajarnya.

Mengenai kegiatan pembalakan haram pula, ia bukan saja berlaku di hutan simpan, tetapi juga di kawasan tadahan air di negara ini. Seawal tahun ini lagi kerajaan menyatakan perhatian beratnya terhadap tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab mencero boh kawasan tadahan air untuk pembalakan haram.

Kerajaan Pusat dilaporkan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memastikan pencerobohan kawasan tadahan hujan tidak akan berterusan sehingga boleh menyebabkan kemusnahan ekologi. — Bernama

FAKTA

Punca alam sekitar terjejas

- Banjir kilat berlaku apabila saluran air, longkang dan sungai tersumbat dengan sampah hasil dari bukit-bukau ditarah, pokok ditebang atas nama pembangunan, manakala hujan lebat menyebabkan berlakunya aliran air yang deras.
- Penebangan hutan yang tidak terancang menyebabkan kejadian tanah runtuh yang mengorbankan nyawa dan harta.
- 146 sungai dikenal pasti di seluruh negara, kurang daripada separuh bersih, 15 lagi tercemar teruk dan sembilan dikategorikan 'mati'.
- Kegiatan pembalakan haram bukan saja berlaku di hutan simpan, tetapi juga di kawasan tadahan air di negara ini.